

18/11/1997

Elak spekulator rosakkan ekonomi

SOKONGAN Presiden Perancis Jacques Chirac terhadap cadangan Malaysia supaya diperkenalkan peraturan bagi perdagangan mata wang, jelas menunjukkan tidak semua negara maju bersetuju dengan sistem pasaran yang wujud hari ini. Sekurang-kurangnya sokongan Perancis menunjukkan pandangan yang menyatakan urusan niaga wang dipengaruhi oleh kuasa pasaran semata-mata tidak boleh lagi dianggap tepat. Sudah banyak negara sependapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang pasaran mata wang turut ditentukan manipulasi segelintir pihak yang mahu mengaut untung tanpa memikirkan nasib negara yang menerima kesannya.

Sebagai sebuah negara kuasa besar, kita menghormati keputusannya itu tetapi ia lebih bermakna jika negara itu meyakinkan kuasa besar sebaris dengannya mengenai perlunya peraturan baru itu dirumus dan dilaksanakan. Dengan pengaruhnya, kita percaya Chirac boleh membawa isu itu kepada perhatian beberapa negara besar lain terutama yang mempunyai kuasa menentukan masa depan dunia. Chirac bukanlah menyatakan sokongannya itu sekadar untuk mengambil hati atas kedudukannya sebagai tetamu di negara ini, tetapi ia dibuat selepas beliau berbincang dengan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan pasaran mata wang hari ini. Camdessus tentu memberi pendapat yang dinilai semula oleh Chirac sebelum beliau membuat sesuatu pendirian. Malah, Chirac juga pasti sudah mendapatkan pandangan beberapa pakar ekonomi dan pihak lain mengenai perlu atau tidaknya atau baik dan buruknya peraturan yang dicadangkan oleh Malaysia. Sebagai seorang pemimpin, kita tidak meragui beliau mengikuti setiap resolusi yang dikemukakan dalam beberapa persidangan besar yang diadakan baru-baru ini.

Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) yang bersidang di Edinburgh, Scotland bulan lalu umpamanya mengeluarkan satu deklarasasi khas mengenai ekonomi yang dengan tegas menyokong usaha mengadakan peraturan urusan niaga di pasaran mata wang. Pandangan 54 negara yang merdeka itu seharusnya mempunyai kekuatan tersendiri untuk meyakinkan dunia bahawa sesuatu harus dilakukan untuk membetulkan keadaan pasaran. Baru-baru ini pula, negara membangun dalam Kumpulan 15 (G-15) membuat ketetapan yang sama dalam sidang puncaknya di Kuala Lumpur. CHOGM dan G-15 bersatu suara dalam membetulkan keadaan pasaran. Ia sepatutnya menimbulkan kesedaran banyak pihak terutamanya Amerika Syarikat yang kebelakangan ini cuba melakukan beberapa tindakan yang dianggap cuba menekan.

Kita melihat ada kejujuran kenyataan Chirac berhubung isu ini. Tidak timbul soal Perancis marah kepada negara ini meskipun dua tahun lalu Malaysia adalah negara paling kuat mengutuk Perancis yang menjalankan ujian nuklear di Lautan Pasifik. Ketika isu itu dibangkitkan, Malaysia boleh dianggap menggunakan bahasa yang agak keras menentang tindakan Perancis. Semua itu dilakukan demi keselamatan penduduk di rantau Pasifik. Perancis tidak berdendam dengan kita sebaliknya bersetuju dengan cadangan negara ini.

Dalam konteks pasaran kewangan, Chirac jelas berpihak kepada ketegasan Malaysia. Kita berharap, selepas ini ada lagi pemimpin negara kuasa besar memberi pandangan yang positif berhubung isu ini. Setakat ini ada tanda menunjukkan Perdana Menteri Britain, Tony Blair turut menyokong usaha Malaysia meskipun belum membuat kenyataan yang tegas mengenainya. Namun, Perancis, sebagai negara anggota Kesatuan Eropah (EU), sudah pasti akan

dapat menyampaikan pandangannya berhubung isu ini.

Bagi negara membangun terutama yang menerima kesan daripada kesusutan nilai wang, tidak perlu lagi bimbang untuk menyemarakkan isu ini di peringkat antarabangsa. Mereka boleh menggunakan saluran tertentu untuk memberi penjelasan mengenai perlunya peraturan urus niaga mata wang dikuatkuasakan. Mereka tidak perlu bimbang menyuarakan pandangan kerana apa yang diusahakan hari ini adalah untuk faedah bersama pada masa akan datang. Kita tidak boleh membiarkan spekulator menggunakan kuasa wang untuk merosakkan ekonomi yang dibina sekian lama. Peraturan yang dicadangkan bukan mahu menyekat kegiatan mereka sebaliknya membolehkan pembabitan mereka lebih telus. Kita tidak nampak mengapa peraturan ini harus ditolak melainkan mereka yang berbuat demikian melihat kerugian yang mungkin dihadapi. Ini kerana mereka tidak boleh lagi memanipulasi pasaran dengan sewenang-wenangnya sebagaimana mereka lakukan sekarang.

(END)